



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

KERAJAAN TIDAK TUTUP PINTU CADANGAN PENGGUBALAN THA SEBAGAI ALTERNATIF TANGANI ISU JEREBU RENTAS SEMPADAN

Merujuk kepada laporan media berkaitan Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (THA), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) ingin menjelaskan pendirian teguh Kerajaan dalam menangani isu berkaitan jerebu rentas sempadan, termasuk meneliti mekanisme instrumen atau perundangan yang bersesuaian bagi menangani perkara ini.

Menteri NRECC Nik Nazmi Nik Ahmad secara konsisten telah menyatakan bahawa penggubalan undang-undang THA perlu diteliti secara menyeluruh mengambil kira segala cabaran dan sekatan, khususnya kebolehlaksanaan akta ini berdasarkan pengalaman negara-negara yang sudah mempunyai akta serupa, seperti Singapura.

Walau bagaimanapun, terdapat contoh instrumen perundangan yang paling berjaya setakat ini, iaitu Perjanjian Kualiti Udara Kanada-Amerika Syarikat, kerana kedua-dua negara yang terlibat mampu menerimanya dan terdapat sebuah badan untuk menguruskan perjanjian tersebut.

Kementerian sedang berada di dalam fasa pengumpulan maklum balas dari agensi-agensi kerajaan, Jabatan Peguam Negara dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mendapat pandangan pelbagai sudut merangkumi langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang dalam menangani masalah jerebu merentas sempadan.

Dalam usaha untuk mencari penyelesaian, satu jawatankuasa yang terdiri daripada jabatan-jabatan Kementerian, pakar-pakar, NGO, dan ahli-ahli panel penasihat dan konsultasi juga akan ditubuhkan untuk mengkaji isu ini.

Satu bengkel akan diadakan untuk mengkaji dan mendalami semua idea-idea yang ada dan ia dijangka akan diadakan selepas Persidangan Ke-28 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (COP 28) kelak.

NRECC sekali lagi ingin menegaskan bahawa Kementerian tidak menutup pintu terhadap cadangan penggubalan rang undang-undang sebagai mekasnime untuk menangani isu jerebu rentas sempadan.

Kerajaan komited supaya isu ini dapat dicegah dan dikawal.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

7 November 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia